

MIC gesa anak Samy Vellu jawab kemelut Maika
Malaysian Insider
Aug 6 , 2013
OLEH DIYANA IBRAHIM

Bendahari Agung MIC Senator Datuk Jaspal Singh menggesa siasatan segera dan terperinci dilakukan berhubung penyelewengan bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Maika Holdings, S Vell Paari (gambar) ketika mentadbir syarikat tersebut.

Menurut Jaspal, anak kepada bekas Presiden MIC Datuk Seri S. Sammy Vellu itu gagal menjelaskan kekeliruan berhubung pembelian semua saham Maika bernilai RM103 juta melalui syarikat Gteam di bawah Syarikat Tujuan Khas (SPV).

"Biarpun saya diberitahu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kini akan menyiasat kes ini sebaik saja menerima laporan menyeluruh tetapi saya juga mahu seluruh masyarakat India tahu mengenai penyelewengan ini," kata beliau dalam satu kenyataan hari ini.

"Kegagalan Vell Paari menjawab isu pembelian tersebut mencetuskan kerisauan kepada pemegang saham Maika dan sehingga kini, anak kepada Samy Vellu itu masih belum membahagikan keuntungan penjualan Maika kepada Gteam dengan pemilik saham walaupun telah bersetuju melakukan perkara demikian dalam satu wawancara bersama media pada Jun," tambah beliau lagi.

Menurut Jaspal, kenyataan Vell Paari juga menimbulkan keraguan apabila mendakwa Maika memperolehi keuntungan lebih dari RM80 juta apabila mendapat peruntukan tambahan dari Tune Group dan mempersoalkan bagaimana saham Maika melonjak sehingga RM1.2 bilion ketika disenaraikan di bursa saham.

Beliau mempersoalkan dimanakah Vell Paari mendapat angka RM80 juta kerana dari hasil siasatan sendiri Jaspal tidak mendapati peningkatan keuntungan seperti yang didakwa.

"Vell Paari harus membuktikan bahawa Tune telah memberi perniagaan baru kepada Maika dimana ia melonjakkan keuntungan sebanyak RM80 juta, sekiranya beliau gagal mengemukakan bukti maka , pemegang saham iaitu komuniti India berhak tahu dan dia harus meminta maaf diatas penyelewengan yang dilakukan," katanya.

Jaspal semasa sidang Dewan Negara pernah membangkitkan isu Maika Holdings yang didakwanya mengalami kerugian yang disifatkannya sebagai contoh ketamakan dan salah tadbir pemimpin MIC yang terdahulu.

Katanya, Maika yang ditubuhkan pada awal 80-an itu sepatutnya berperanan membantu meningkatkan kekayaan masyarakat kaum India tetapi telah gagal sepenuhnya.

"Pemegang sahamnya adalah masyarakat India yang miskin. Mereka ditipu bahawa mereka boleh mendapat keuntungan di antara seribu hingga dua ribu peratus dalam beberapa tahun.

"Kebanyakan orang miskin ini melaburkan semua simpanan mereka, ada yang meminjam untuk melabur dan ada juga yang memajak barangan kemas untuk melabur dalam Maika," katanya.

Menurut Jaspal, walaupun kerajaan memberi tanah dan saham termasuk beberapa faedah lain, namun Maika tetap gagal.

Kemuncaknya, pada Jun 2010, MIC terpaksa menubuhkan satu badan khas G-Team untuk membuat tawaran untuk membeli semua saham Maika dengan harga 80 sen sesaham berbanding harga tawaran RM1.

Namun kata Jaspal, akibat kadar inflasi pelabur sebenarnya kehilangan 50 peratus dari jumlah pelaburan mereka. – 6 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mic-gesa-anak-samy-vellu-jawab-kem-elut-maika>